



# KESATUAN OLAHRAGA MALAYSIA

MALAYSIA ATHLETICS FEDERATION (P.B.S. 0136/98)



President: YBhg Dato' Marathamuthu Subramaniam  
Deputy President: YBhg Dato' Paduka Hj. Dr. Mumtaz Begum Abdul Jaffar  
Vice Presidents: YBhg Datuk Wira Mark Ling, Datuk Hj. Fadzil bin A. Bakar, Puan Hj. Rajemah bte Sheikh Ahmad, Puan Josephine Kang Teok Koon  
General Manager: Mr. Latchumanan Manickam  
Treasurer: Cik Lishalini Kaslingam

KOM/03/ADMIN/8/1  
27hb. Februari 2020

Setiausaha Kehormat  
Persatuan Olahraga Negeri

YBhg Dato, Datuk, Tuan, Puan,

## SEMINAR ANTI-DOPING ANJURAN JAWATANKUASA KECIL PERUBATAN DENGAN KERTASAMA PIHAK ADAMAS

Dengan segala hormatnya sukacita saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Jawatankuasa Kecil Perubatan KOM dengan kerjasama Anti-Doping Agensi Malaysia (ADAMAS) akan menganjurkan seminar berhubung kait dengan 'Anti-doping' seperti ketetapan berikut:-

- 2.1 Tarikh : 14hb Mac 2020
- 2.2 Tempat : Auditorium 1, Majlis Sukan Negara, Bukit Jalil, Kuala Lumpur
- 2.3 Masa : 8.00 pagi hingga 12.30 t/hari

3. Seminar ini bertujuan untuk memberikan penerangkan dengan lebih jelas terutama sekali berkaitan bahan-bahan larangan, implikasi yang harus dihadapi akibat daripada penggunaan barang-barang larangan serta kaedah-kaedah dan perkembangan terkini berhubung anti-doping. Justeru, Kesatuan Olahraga Malaysia ingin mempelawa **DUA ORANG JURULATIH DAN SEORANG PEGAWAI TEKNIK** daripada Persatuan Olahraga Negeri untuk menyertai seminar ini. Bersama-sama ini disertakan borang pencalonan untuk disempurnakan dan dikembalikan kepada pejabat KOM melalui email [maf33mas@yahoo.com](mailto:maf33mas@yahoo.com) pada atau sebelum 8hb Mac 2020.

Program yang telah ditetapkan adalah seperti berikut:-

- 8.00 pg - 8.30 pg - *Pendaftaran*
- 8.45 pg - *Ucapan Alu-aluan YBhg Dato' R. Annamalai. Pengerusi Jawatankuasa Kecil Perubatan, Kesatuan Olahraga Malaysia*
- 9.00 pg - *Seminar Anti-doping*
- 12.00 t/hari - *Ucapan penutupan oleh YBhg Dato' Marathamuthu Subramaniam, Presiden Kesatuan Olahraga Malaysia*
- *Bersurai*

Suite 2.8, 2<sup>nd</sup> Floor, Wisma OCM,  
Jalan Hang Jebat, Kuala Lumpur, Malaysia.  
Tel: 603-2022 2634 Fax: 603-2022 2640

Email: [maf33mas@yahoo.com](mailto:maf33mas@yahoo.com), [mas@iaaf.org](mailto:mas@iaaf.org) Website: [maf.org.my](http://maf.org.my)


Affiliated To: International Association of Athletic Federations, Asian Athletics Associations, Olympic Council of Malaysia

Kerjasama serta sokongan daripada YBhg Dato, Datuk, Tuan, Puan adalah amat diharapkan bagi memastikan seminar ini menepati tujuan sepertimana diharapkan.

Sebarang pertanyaan berkaitan seminar ini, boleh menghubungi Cik Nur Syamimi bte Mohamad Saidi di pejabat KOM melalui talian 03-20222634.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

Saya yang menjalankan tugas,



(LATCHUMANAN MANICKAM)  
Pengerusi Besar

- s.k
- i. Presiden KOM
  - ii. Dato' R. Annamalai  
Pengerusi Jawatankuasa Kecil Perubatan KOM